

SEMANGAT... Pelajar UMS bersorak 'Together We Save The World' bagi mengingatkan betapa pentingnya semua pihak menghargai alam sekitar untuk generasi akan datang.



TANDA SOKONGAN...
Sebahagian pelajar-pelajar SMK Desa Kencana yang menjayakan program tersebut.



Penjagaan alam sekitar tanggungjawab bersama

Oleh ROZZALIN HASHIM
rozzalinhashim@yahoo.com.my

BAGI memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai penjagaan alam sekitar, satu Program Alam Sekitar bersama Felda Sahabat di Lahad Datu dengan kerjasama Agensi-Agenzi Alam Sekitar telah diadakan selama tiga hari bermula sejak Jumaat lepas.

Mensasarkan pelajar di kawasan setempat, program julung kali ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengetahui dengan lebih mendalam berkenaan dengan alam sekitar.

Selain sebagai satu medium untuk berinteraksi secara langsung dengan agensi-agensi alam sekitar yang terlibat, ia juga membina sahsiah diri para pelajar betapa pentingnya menjaga alam sekitar demi menjamin kesinambungan untuk generasi akan datang.

Program adalah anjuran Kumpulan Earthlicious, Kursus Politik Alam Sekitar Antarabangsa dan Program Hubungan Antarabangsa di Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Bertemakan 'Together We Save The World' itu, program ini adalah melibatkan kesemua pelajar Hubungan Antarabangsa Tahun 3 serta pelajar-pelajar di Felda Sahabat, agensi-agensi alam sekitar serta pensyarah Kelab Hubungan Antarabangsa di Sekolah Sains Sosial, UMS.

Program sebegini akan menerapkan satu pendedahan yang baru serta memperlihatkan kredibiliti mahasiswa dan mahasiswi dalam usaha memamer semangat cintakan alam sekitar.

BERUCAP ...
Suhaili ketika menyampaikan ucapan perasmian pada majlis tersebut.



SIMBOLIK ... Suhaili (empat dari kanan) menandatangani plak sebagai tanda pelancaran Program Alam Sekitar anjuran Kumpulan Earthlicious dengan kerjasama Agensi Alam Sekitar dan Felda Sahabat.



(Gambar kanan) TERIMA SEADANYA ... Suhaili menyampaikan buah tangan berbentuk barang hamper kepada salah seorang keluarga angkat sambil diperhatikan Biyamin di majlis tersebut.

(Gambar bawah) PENGHARGAAN ... Suhaili menerima cenderamata kenangan disampaikan Marja Azlima (dua dari kanan) sambil disaksikan Haji Juany (dua dari kiri).



alam sekitar dalam kehidupan sehari-hari.

"Di samping itu, program seumpama ini dapat memberi pendedahan kepada golongan mahasiswa-mahasiswi dari segi cara hidup bermasyarakat, meningkatkan persefahaman budaya dan latar belakang penduduk di sekitar luar kampus,

"Maka dengan ini, para peserta adalah sangat beruntung kerana menyertai program kemasyarakatan dianjurkan dan berpeluang pula menikmati pengalaman sebenar semasa berada di tempat orang dan bergaul dengan masyarakat setempat yang sentiasa menyambut baik dengan kehadiran mahasiswa-mahasiswi di Felda Sahabat," kata Marja Azlima.

Sementara itu, Pengarah Program berkenaan Mohd Biyamin Razak menegaskan mahasiswa-mahasiswi merupakan pewaris kepada kepimpinan negara, selain mempertingkatkan tahap pencapaian akademik agar mampu untuk berdaya saing, golongan tersebut adalah wajib untuk memperkuuhkan intergriti dan jati diri bagi menghadapi apa-apa jua permasalahan sosial yang semakin mencabar hari ini.

Menurut beliau, program seumpama ini merupakan satu usaha bagi memberi pengetahuan, kesedaran dan menerapkan semangat cinta serta menghargai alam sekitar terhadap penduduk setempat dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar sekali gus mengerakkan ikatan silatirrahim antara pelajar UMS dengan penduduk Felda Sahabat.

Hadir sama Pengurus Besar Felda Sahabat, Haji Juany Salleh dan keluarga angkat masing-masing.



Ia juga merupakan satu medium untuk menyalurkan pendedahan serta memupuk kesedaran ke atas pelajar-pelajar Felda Sahabat di samping menerapkan hubungan silaturahim di antara mahasiswa dan mahasiswi dengan penduduk setempat.

Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) N.49 Tunku merangkap Presiden Majlis Hal-Ehwal Anak Negeri Sabah (MHEANS), Datuk Mohd Suhaili Hj Said telah menyempurnakan pelancaran program tersebut yang berlangsung di Dewan Desa Kencana, Felda Sahabat, Ahad.

Berucap pada pelancarannya, Suhaili memuji usaha serta inisiatif pihak pengajur melaksanakan program yang memberikan banyak manfaat terutamanya kepada generasi akan datang.

"Melihat kepada tema program ini iaitu 'Together We Save The World' merupakan satu bukti komitmen pihak pengajur terhadap penjagaan alam sekitar.

"Saya percaya program seperti ini adalah platform terbaik bagi kita berkongsi bukan sahaja masalah tetapi juga idea-idea penyelesaiannya."

"Melihat kepada tema program ini iaitu 'Together We Save The World' merupakan satu bukti komitmen pihak pengajur terhadap penjagaan alam sekitar. Saya percaya program seperti ini adalah platform terbaik bagi kita berkongsi bukan sahaja masalah tetapi juga idea-idea penyelesaiannya."

DATUK MOHD SUHAILI HJ SAID

Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) N.49 Tunku merangkap Presiden Majlis Hal-Ehwal Anak Negeri Sabah (MHEANS)

idea-idea penyelesaiannya," katanya.

Beliau percaya program ini merupakan usaha yang sangat positif selaras dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat mengenai perihal pentingnya penjagaan alam sekitar demi memastikan kehidupan lebih selamat dan sejahtera.

Tambahnya, apabila bercapa mengenai penjagaan alam sekitar ada sesetengah

pihak berpendapat bahawa kemusnahannya sudah tidak dapat dielakkan sekiranya kita mahu mencegah pembangunan dan kemajuan ekonomi.

"Mereka merasakan bahawa usa-usaha untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar seperti program yang dianjurkan pagi ini hanyalah suatu aktiviti yang membuang masa dan wang. Ini sama sekali satu pandangan yang tidak relevan kerana pada masa ini telah wujud pelbagai teknologi baru yang bukan saja

menjamatkan kos tetapi juga mesra alam," ujarnya.

Terdahulu, Penyelaras Program berkenaan iaitu Marja Azlima Omar memberitahu pengajur program seperti ini sememangnya menjadi wadah kepada kita dalam menjalin dan memantapkan lagi jalinan ukhuwah.

Selain itu, tegasnya, ia juga dapat memupuk kesedaran dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi serta pelajar-pelajar yang terlibat betapa pentingnya

